



## BAB DUA

Metodologi Penyelidikan

## **BAB DUA**

### **2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bahagian ini akan menerangkan tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam kajian. Aspek penting yang disentuh ialah kerangka kajian, sumber data, rekabentuk soal selidik, rekabentuk sampel soal selidik, teknik penganalisan data dan had kajian.

#### **2.2 Kerangka Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim. Metode yang digunakan dalam proses pengumpulan data untuk kajian ini ialah dua kaedah yang utama iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

##### **2.2.1 Kajian perpustakaan**

Kajian dijalankan dengan menggunakan metode ini secara meluas terhadap objek penelitian di perpustakaan. Tujuannya ialah untuk mendapatkan data-data mengenai pandangan dan pemikiran ahli akademik dan pakar ekonomi Islam terhadap konsep barang keperluan, konsep penggunaan dan teori gelagat pengguna menurut perspektif Islam.

Ini kerana kajian di peringkat awal banyak memerlukan fakta-fakta yang berbentuk teori berkaitan topik kajian. Rujukan dibuat menggunakan buku-buku, jurnal, tesis, disertasi, kertas projek, kertas kerja persidangan, majalah, risalah dan lain-lagi dalam bahasa Arab, Inggeris dan Melayu.

Rujukan telah dibuat di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Pusat Sumber Jabatan Syariah Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Islam JAKIM dan Perpustakaan Negara Malaysia.

### 2.2.2 Kajian Lapangan

Kajian ini dijalankan menggunakan metode kajian lapangan untuk menentukan gelagat penggunaan sampel yang dikaji iaitu pengguna muslim di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan dan Daerah Petaling Jaya, Selangor. Kajian dijalankan menggunakan kaedah soal selidik sebagai metode yang utama.<sup>1</sup> Satu set soal selidik telah disediakan<sup>2</sup> dengan bimbingan dan nasihat daripada penyelia disertasi dan beberapa siri perbincangan dengan beberapa orang pensyarah yang berpengalaman dalam bidang kajian lapangan terutamanya soal selidik.

Kajian difokuskan kepada dua lokasi yang utama iaitu Jajahan Pasir Puteh, Kelantan yang mewakili kawasan luar bandar dan Daerah Petaling Jaya, Selangor yang mewakili kawasan bandar besar. Responden dipilih secara rawak daripada kedua-dua lokasi tersebut.

Pemilihan responden dibuat menggunakan persampelan rawak berlapis iaitu mengambil sampel dengan mengasingkan terlebih dahulu unsur-unsur asas dalam populasi kepada kumpulan-kumpulan yang tidak bertindih yang tiap-tiap satunya dinamakan lapisan atau stratum dan kemudian mencabut atau mengambil sampel rawak mudah daripada tiap-tiap lapisan.<sup>3</sup> Maksudnya responden di Pasir Puteh dipecahkan mengikut 8 daerah dan responden di Petaling Jaya dipecahkan mengikut 4 zon pentadbiran. Kemudian barulah soal selidik dijalankan dengan menggunakan cara persampelan rawak mudah.<sup>4</sup>

Data-data diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan secara langsung iaitu borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden atau temubual dijalankan berasaskan kepada borang soal selidik.<sup>5</sup>

Responden terlebih dahulu dijelaskan secara ringkas tujuan kajian dijalankan dan penerangan tambahan diberikan kepada responden yang menghadapi sebarang masalah semasa mengisi borang soal selidik. Borang soal selidik yang dikembalikan terlebih dahulu dipastikan telah lengkap diisi dan tindakan susulan terus dibuat bagi mengatasi masalah borang yang tidak lengkap diisi.<sup>6</sup>

Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden oleh pengkaji sendiri dengan bantuan beberapa orang pembantu kerja lapangan yang telah diberikan penjelasan dan penerangan berkaitan kajian yang dijalankan.<sup>7</sup> Pengedaran borang soal selidik di Pasir Puteh lebih banyak menggunakan pendekatan mendapatkan responden dari rumah ke rumah. Manakala pengedaran

borang soal selidik di Petaling Jaya lebih banyak menggunakan pendekatan mendapatkan responden di tempat awam kerana kesukaran menggunakan pendekatan dari rumah ke rumah.

### **2.3 Sumber Data**

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kedua-dua kaedah pengumpulan data iaitu melalui data primer dan data sekunder.<sup>8</sup>

2.3.1 Data primer diperolehi melalui soal selidik secara langsung ke atas responden di Pasir Puteh dan Petaling Jaya.

2.3.2 Data sekunder diperolehi melalui buku-buku rujukan, jurnal, tesis, disertasi, laporan, kertas kerja persidangan, majalah dan kajian terdahulu.<sup>9</sup>

### **2.4 Rekabentuk Soalselidik**

Soal selidik yang disediakan mengandungi dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B :

#### Bahagian A

Merupakan bahagian yang dikhususkan untuk mendapatkan maklumat latar belakang demografi responden di mana bahagian ini menyentuh tentang jantina, umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, bilangan isi rumah, tingkat pendapatan, kawasan tempat tinggal dan taraf perkahwinan.

## Soalan 1 : Jantina ketua isi rumah

Mengenalpasti jantina ketua isi rumah sama ada lelaki atau perempuan.

## Soalan 2 : Umur ketua isi rumah

Responden diberikan enam pilihan jawapan atau enam kategori umur iaitu :

- 15 tahun ke bawah
- 16 – 24 tahun
- 25 – 34 tahun
- 35 – 44 tahun
- 45 – 64 tahun
- 65 tahun ke atas

Kategori umur diklasifikasikan kepada 15 tahun ke bawah bagi mengenalpasti kewujudan ketua isi rumah yang berada di bawah paras umur buruh atau tidak layak bekerja kerana seseorang hanya layak menjadi buruh apabila berumur 16 tahun.<sup>10</sup> Kategori umur 16 – 34 tahun dianggap golongan muda dan kategori umur 35 – 64 tahun dianggap golongan yang telah berpengalaman. Manakala kategori umur 65 tahun ke atas dianggap sebagai warga tua.

## Soalan 3 : Tahap pendidikan

Responden diberikan enam pilihan jawapan atau kategori pendidikan iaitu :

- Sekolah rendah
- SRP / PMR
- SPM / STPM
- Diploma
- Ijazah
- Sarjana / Phd

Klasifikasi tahap pendidikan secara umumnya terbahagi kepada dua iaitu pendidikan di peringkat sekolah dan pendidikan lanjutan. Pendidikan di peringkat sekolah ialah kategori sekolah rendah, SRP/PMR dan SPM/STPM. Manakala pendidikan lanjutan ialah diploma, ijazah dan sarjana/ Phd.

## Soalan 4 : Jenis pekerjaan

Responden diberikan enam pilihan jawapan atau kategori pekerjaan iaitu :

- Profesional (seperti doktor, peguam, jurutera, arkitek, saintis)
- Pengurusan / pentadbiran (seperti pekerja pentadbiran dan pengurusan)
- Sokongan (seperti kerani, operator pengeluaran, pembantu am, buruh)
- Perkhidmatan (seperti guru, polis, tentera, bomba, pos, jabatan kerajaan)
- Pertanian / perikanan (seperti pesawah, petani, peladang, nelayan, penternak)
- Keusahawan (seperti berniaga, bekerja sendiri, perusahaan)

## Soalan 5 : Bilangan isi rumah

Responden telah diberikan enam pilihan jawapan atau kategori bilangan isi rumah iaitu :

- |               |                    |
|---------------|--------------------|
| • 1 – 3 orang | • 10 – 12 orang    |
| • 4 – 6 orang | • 13 – 15 orang    |
| • 7 – 9 orang | • 16 orang ke atas |

Kategori bilangan isi rumah 1 – 3 orang dianggap sebagai saiz isi rumah yang kecil. Manakala bilangan isi rumah 4 – 9 orang dianggap saiz isi rumah yang sederhana dan isi rumah yang mempunyai bilangan 10 orang ke atas dianggap sebagai isi rumah yang bersaiz besar.

## Soalan 6 : Pendapatan bulanan isi rumah

Responden telah diberikan lapan pilihan jawapan atau kategori pendapatan bulanan iaitu :

- |                   |                   |
|-------------------|-------------------|
| • RM 225 ke bawah | • RM 226 – RM 510 |
|-------------------|-------------------|

- RM 511 – RM 1020
- RM 1021 – RM 1500
- RM 1501 – RM 2000
- RM 2001 – RM 3000
- RM 3001 – RM 4000
- RM 4001 ke atas

Kategori pendapatan bulanan RM 225 ke bawah diklasifikasikan bagi mengenalpasti responden yang berada pada tahap kemiskinan mutlak (*hardcore poverty*). Manakala kategori pendapatan bulanan RM 266 – RM 510 diklasifikasikan bagi mengenalpasti responden yang mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan.<sup>11</sup>

Responden yang berada dalam kategori pendapatan RM 511 – RM 1020 dianggap bebas daripada belunggu kemiskinan. Manakala responden yang berada dalam kategori pendapatan RM 1021 ke atas dianggap telah mencapai tahap minimum kehidupan atau *had al-kifāyah*.<sup>12</sup>

#### Soalan 7 : Kawasan tempat tinggal

Responden diberikan tiga pilihan jawapan atau kategori kawasan tempat tinggal iaitu :

- Kampung
- Pekan / bandar kecil
- Bandar besar

Kategori kawasan tempat tinggal di kampung dan kategori pekan atau bandar kecil hanya untuk responden di Pasir Puteh manakala kategori bandar besar adalah untuk responden di Petaling Jaya sebagai sebuah bandar besar.

## Soalan 8 : Taraf perkahwinan

Responden telah diberikan empat pilihan jawapan atau kategori taraf perkahwinan iaitu :

- Berkahwin : responden yang telah berkahwin dan masih kekal.
- Bujang : responden yang masih belum berkahwin.
- Duda / janda : responden yang sudah berkahwin tetapi telah bercerai.
- Balu : isteri yang telah kematian suami.

Ciri-ciri demografi disoal untuk mendapatkan profil demografi responden.

Bahagian ini penting untuk memahami perhubungan di antara ciri-ciri demografi pengguna muslim di dua lokasi kajian yang berbeza terhadap gelagat penggunaan barang keperluan.

Bahagian B

Merupakan bahagian yang memfokuskan kepada gelagat penggunaan barang keperluan. Soalan yang dikemukakan berkaitan jumlah perbelanjaan, barangan yang digunakan, faktor tarikan pembelian barang, saluran maklumat, lokasi pembelian barang dan sebab pemilihannya serta kriteria-kriteria penting dalam penggunaan barang keperluan.

## Soalan 1 : Peruntukan perbelanjaan untuk barang keperluan

Responden telah diberikan lapan pilihan jawapan atau kategori peruntukan perbelanjaan bulanan iaitu :

- |                    |                     |
|--------------------|---------------------|
| • RM 225 ke bawah  | • RM 1021 – RM 1500 |
| • RM 226 – RM 510  | • RM 1501 – RM 2000 |
| • RM 511 – RM 1020 | • RM 2001 – RM 3000 |

- RM 3001 – RM 4000
- RM 4001 ke atas

Klasifikasi peruntukan perbelanjaan bulanan dibuat sama seperti kategori pendapatan bulanan untuk mengenalpasti corak perbelanjaan bulanan responden.

Soalan 2 : Barang dan perkhidmatan yang mesti ada dalam perbelanjaan setiap bulan.

Responden telah diberikan satu set barangan untuk dipilih sama ada mesti ada dalam perbelanjaan bulanan mereka atau tidak iaitu :

- makanan dan minuman
- ansuran kenderaan
- pakaian dan kasut
- telefon bimbit
- barang keperluan dapur
- peti sejuk
- bil air dan elektrik
- alat permainan
- minyak motor atau kereta
- TV dan radio
- bahan pencuci
- gaji pembantu rumah
- sewa rumah
- makanan kesihatan
- yuran dan peralatan sekolah
- barang kemas
- perubatan
- komputer dan internet
- barang kegunaan bilik mandi
- perkhidmatan *nursery*
- bil telefon
- makan di luar rumah
- perkhidmatan pos
- alat sukan
- akhbar dan majalah
- barangan kosmetik
- mesin basuh
- rokok
- pengangkutan awam
- penghawa dingin
- khidmat pembaikan
- melancong
- perabot

Soalan ini bertujuan mengenalpasti apakah barang-barang yang mesti ada dalam perbelanjaan pengguna di Pasir Puteh yang mewakili kawasan luar bandar dan Petaling Jaya yang mewakili kawasan bandar besar.

Soalan 3 : Faktor tarikan pembelian barang keperluan

Responden telah diberikan lima pilihan jawapan atau faktor tarikan pembelian barang keperluan dan diminta menyusunnya mengikut keutamaan 1, 2, 3, 4, 5 dengan nombor 1 paling utama sehingga nombor 5 paling tidak utama<sup>13</sup> iaitu :

- diskaun harga
- label halal
- pembungkusan yang menarik
- iklan mengenainya tersebar luas
- tarikh luput

Soalan ini bertujuan mengenalpasti apakah faktor yang mendorong pengguna membeli sesuatu barang keperluan.

Soalan 4 : Saluran maklumat mengenai barang keperluan

Responden telah diberikan enam jenis saluran maklumat iaitu :

- media cetak (akhbar, majalah)
- Rakan, jiran atau keluarga
- media elektronik (TV, radio)
- Ajen jualan langsung
- Internet
- Risalah

Responden diminta menyatakan tahap kekerapan mendapat maklumat melalui saluran tersebut dengan berasaskan 5 nilai skala likert iaitu (1) tidak pernah sehingga (5) paling kerap.

Soalan 5 : Lokasi pembelian barang keperluan

Responden telah diberikan lima lokasi pembelian barang keperluan iaitu :

- Pasaraya besar
- Pasar malam / tani
- Pasar
- Peraih
- Kedai runcit

Responden diminta menyatakan tahap kekerapan membeli barang keperluan di lokasi tersebut dengan berasaskan 5 skala likert iaitu (1) tidak pernah sehingga (5) paling kerap.

Soalan 6 : Faktor pemilihan lokasi pembelian barang

Responden telah diberikan empat faktor pemilihan lokasi pembelian barang iaitu :

- Menjimatkan masa dan tenaga
- Menarik dan cantik
- Menawarkan pelbagai pilihan
- Selesa dan menyenangkan

Responden diminta menyatakan sama ada faktor tersebut mempengaruhi pemilihan lokasi mereka membeli barang keperluan.

Soalan 7 : Kriteria pemilihan barang keperluan

Responden telah diberikan sembilan kriteria pemilihan barang keperluan iaitu :

- Harga yang murah
- Jenama yang disukai
- Layanan penjual yang memuaskan
- Suci dan bersih
- Halal
- Maklumat yang jelas dan terperinci
- Lokasi kedainya dekat dengan rumah

- Sesuai dengan taraf dan gaya hidup
- Berkualiti dan bermutu

Responden diminta menyatakan tahap kepentingan kriteria-kriteria tersebut dengan berasaskan 5 skala likert iaitu (1) tidak penting sehingga (5) paling penting.

Ujian rintis (*pilot test*) ke atas set soal selidik telah dijalankan kepada 15 orang responden di Pasir Puteh dan 15 orang responden Petaling Jaya untuk memastikan soal selidik difahami oleh responden di kedua-dua lokasi kajian dan soal selidik tersebut mampu mendapatkan maklumat yang diperlukan.<sup>14</sup> Kemudian beberapa pengubahsuaian telah dibuat ke atas set soal selidik hasil daripada ujian rintis yang telah dijalankan.

Set soal selidik telah disediakan menggunakan bahasa Melayu dengan mengambilkira faktor bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang boleh difahami oleh responden di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar.<sup>15</sup>

Soal selidik ini juga dikepilkan dengan surat hadapan (*cover letter*)<sup>16</sup> supaya responden mendapat gambaran yang lebih jelas tentang tujuan dan matlamat kajian ini dijalankan.

Kesimpulannya, secara keseluruhannya soal selidik ini dapat membantu dalam mendapatkan data-data utama tentang gelagat pengguna muslim yang dikaji terutamanya berkaitan dengan penggunaan barang keperluan di Malaysia.

## **2.5 Rekabentuk Sampel Soalselidik**

Seramai 300 orang responden dipilih secara rawak yang mana meliputi 150 orang responden di Pasir Puteh, Kelantan dan 150 orang responden lagi di Petaling Jaya, Selangor.

Responden di Pasir Puteh, Kelantan dipilih secara rawak daripada lapan buah mukim yang terdapat di dalam Jajahan Pasir Puteh manakala responden di Petaling Jaya dipilih secara rawak daripada setiap zon yang berada di dalam Daerah Petaling Jaya.

Tidak ada penentuan khusus terhadap faktor demografi responden yang tertentu dibuat dalam pemilihan responden. Sebaliknya pemilihan dibuat secara rawak dan responden cuba dipelbagaikan supaya meliputi semua keadaan demografi.<sup>17</sup>

## **2.6 Teknik Penganalisaan Data**

### **2.6.1 Induktif**

Metode ini digunakan untuk menganalisa data-data melalui pola berfikir untuk mencari kesimpulan daripada dalil yang bersifat khusus kepada umum. Metode ini digunakan untuk menganalisa tajuk dan kemudiannya mengembangkannya kepada konsep penggunaan, konsep barangan, konsep gelagat pengguna dan sebagainya dalam perspektif Islam.

### 2.6.2 Deduktif

Metode ini digunakan untuk membuat kesimpulan daripada kenyataan yang umum kepada khusus. Metode ini banyak digunakan untuk menyimpulkan maklumat terutamanya dalam menjelaskan konsep barang keperluan dalam pasaran di Malaysia, kaedah penggunaan terbaik dan gelagat penggunaan barang keperluan pengguna muslim di Malaysia.

### 2.6.3 Komparatif

Metode komparatif digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan penelitian dan perbandingan di antara beberapa fakta, data, pendapat dan komen yang diperolehi. Terutamanya membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat penggunaan pengguna muslim di Pasir Puteh dengan Petaling Jaya yang mana responden mempunyai latar belakang yang berbeza.

### 2.6.4 SPSS

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisa menggunakan program "*The Statistical Package for Social Science*" (SPSS versi 11.0). Program ini memudahkan hasil kajian dikemukakan dengan lebih jelas dan menarik.<sup>18</sup>

### 2.6.5 Kaedah Statistik

Selain daripada menggunakan perenggan teks (*text paragraph*)<sup>19</sup> beberapa kaedah statistik digunakan untuk menganalisa data.<sup>20</sup> Antaranya ialah kekerapan, peratusan, nilai min, sisihan piawai dan ujian klasifikasi silang<sup>21</sup>

Seterusnya hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah<sup>22</sup> yang boleh menerangkan data dengan lebih jelas dan menarik.

## 2.7 Had Kajian

Kajian ini hanya mewakili bilangan sampel yang kecil iaitu 150 orang responden di Pasir Puteh yang mewakili responden dari kawasan luar bandar dan 150 orang responden di Petaling Jaya yang mewakili responden dari kawasan bandar besar kerana keterbatasan sumber kewangan, masa dan tenaga.<sup>23</sup> Responden hanya dipilih di kalangan ketua atau wakil isi rumah yang beragama Islam sahaja.

Proses pengedaran borang soal selidik kepada responden di Pasir Puteh dan Petaling Jaya telah dijalankan secara serentak di dalam tempoh masa di antara pertengahan bulan November 2002 sehingga bulan Februari 2003.

Kajian ditumpukan khusus untuk melihat gelagat responden dalam penggunaan barang keperluan sahaja. Antara faktor utama yang difokuskan ialah peruntukan perbelanjaan bulanan untuk barang keperluan, barang keperluan yang menjadi pilihan, faktor dorongan pembelian barang keperluan, saluran maklumat, lokasi pembelian dan kriteria-kriteria yang mempengaruhi gelagat penggunaan mereka.

## **2.8 Penutup**

Kesimpulannya metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini telah berjaya mengumpul data primer dan data sekunder yang diperlukan untuk dianalisa bagi membolehkan hasil kajian berkaitan gelagat penggunaan barang keperluan di kalangan pengguna muslim secara perbandingan di antara responden di Jajahan Pasir Puteh, Kelantan dan Petaling Jaya, Selangor dibuat.

## Nota Hujung :

- <sup>1</sup> Lihat Mark N K Saunders, Philip Lewis and Adrian Thornhill (2000), **Research Methods for Business Students** (edisi kedua), Pearson Education Limited : Edinburgh, m.s 278 – 283; Sulaiman Ngah Razali (1996), **Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan**, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, m.s 206 – 210; Ahmad Mahdzan Ayob (2002), **Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi** (edisi kedua), Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, m.s 67 – 74; Louis Cohen & Lawrence Manion (1993), **Research Methods in Education** (4th ed), Routledge : London, m.s 83 – 104.
- <sup>2</sup> Lihat D.A.De Vaus (2002), **Surveys In Social Research** (edisi kelima), Allen & Unwin : Australia, m.s 94 – 113; Wong Toon Quee (2002), **Marketing Research** (edisi keempat), Talisman Publishing Pte. Ltd. : Singapore, m.s 142 – 170; Colin Robson (1993), **Real World Research : A Resource for Social Scientist and Practitioner Researchers**, Blackwell Publishers Ltd : Oxford, m.s 243 – 253; Martyn Denscombe (1998), **The Good Research Guide for Small Scale Social Research Projects**, Open University Press : Buckingham, m.s 87 – 108.
- <sup>3</sup> Lihat Mark N K Saunders, Philip Lewis and Adrian Thornhill (2000), **op.cit.** m.s 150 – 178; D.A.De Vaus (2002), **op.cit.** m.s 69 – 91; Ahmad Mahdzan Ayob (2002), **op.cit.** m.s 90 – 119; Sulaiman Ngah Razali (1996), **op.cit.** m.s 65; Mohd. Ariff Hussein (1990), **Kaedah Penyelidikan Gunaan Dalam Bidang Ekonomi**, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, m.s 52 – 58.
- <sup>4</sup> Persampelan rawak mudah ialah proses mencabut satu sampel dengan unit-unit asas dipilih secara individu dan langsung melalui satu proses yang rawak. Melalui proses ini setiap unit yang belum terpilih mempunyai peluang dan kebarangkalian yang sama untuk dipilih dengan unit-unit lain pada tiap-tiap cabutan.
- <sup>5</sup> D.A.De Vaus (2002), **op.cit.** m.s 122.
- <sup>6</sup> D.A.De Vaus (2002), **Ibid.** m.s 127 – 128.
- <sup>7</sup> Lihat Ahmad Mahdzan Ayob (2002), **op.cit.** m.s 80 – 83; Judith Bell (1993), **Doing Your Research Project : A Guide for First Time Researchers in Education and Social Science** (2nd ed), Open University : Buckingham, m.s 85 – 86.
- <sup>8</sup> Nicholas Walliman (2001), **Your Research Project : A Step Guide for the First Time Researcher**, Sage Publications : London, m.s 230 – 232.
- <sup>9</sup> Mark N K Saunders, Philip Lewis and Adrian Thornhill (2000), **op.cit.** m.s 188 – 211; Wong Toon Quee (2002), **op.cit.** m.s 103 – 104.
- <sup>10</sup> Lihat M.N. D'Cruz (1998), **A Practical Guide to Malaysian Labour Laws**, Berita Publishing : Kuala Lumpur, m.s 63 – 64, Children and Young Person Act (Employment) 1996 Employment Act of Children and Young Persons (Part II : Repealed Act No 40 of 1966); M.N D' Cruz (2000), **A Comprehensive Guide to Current Malaysian Labour Laws**, Leeds Publications : Kuala Lumpur, m.s 119 – 121; Judith Masson, Prof (1994), **The Children Act 1989 and Young People**, Dependence and Rights to Independence Children dan the Law, De Montfort University Law Monographs, Deborah J. Lockton (editor), Caverdish Publishing Limited : Great Britain, m.s 1 – 12.
- <sup>11</sup> Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (2001), **Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005**, Percetakan Nasional Berhad : Kuala Lumpur, m.s 62.
- <sup>12</sup> Zainal Abidin Jaafar (2001), **Pengendalian Baitul Mal Di Wilayah Persekutuan**, kertas kerja ketiga, Seminar Ke Arah Pembangunan Baitul Mal Kebangsaan di Kuala Lumpur anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 26 – 27 Jun 2001, m.s 9,17 - 18.
- <sup>13</sup> Colin Robson (1993), **op.cit.** m.s 255 – 266.

- <sup>14</sup> Lihat Mark N K Saunders, Philip Lewis and Adrian Thornhill (2000), **op.cit.** m.s 305 – 307; D.A.De Vaus (2002), **op.cit.** m.s 114 – 118; Ahmad Mahdzan Ayob (2002), **op.cit.** m.s 83 – 84; Judith Bell (1993), **op.cit.** m.s 84 – 85.
- <sup>15</sup> Judith Bell (1993), **op.cit.** m.s 77 – 78.
- <sup>16</sup> D.A.De Vaus (2002), **op.cit.** m.s 135 – 136.
- <sup>17</sup> Wong Toon Quee (2002), **op.cit.** m.s 81 – 98.
- <sup>18</sup> Lihat Zulkarnain Zakaria dan Hishamuddin Md. Som (2001), **Analisis Data Menggunakan SPSS Windows**, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia :Skudai Johor, m.s 1; David Rose & Oriel Sullivan (1996), **Introducing Data Analysis for Social Scientists** (2nd ed), Open University Press : Buckingham, m.s 61 – 75; Uma Sekaran (2003), **Research Methods for Business : A Skill Building Approach** (4th ed), John Wiley & Sons, Inc : United States of America, m.s 332.
- <sup>19</sup> Lihat Steven J. Taylor & Robert Bogdan (1998), **Introduction to Qualitative Research Methods : A Guide Book and Resource** (3rd ed), John Wiley & Sons, Inc : United States of America, m.s 167 – 176; Nicholas Walliman (2001), **op.cit.** m.s 293 – 299.
- <sup>20</sup> Donald R. Cooper and Pamela S. Schindler (1998), **Business Research Methods** (edisi keenam), Mc Graw Hill Book Company : Singapore, m.s 623 – 634.
- <sup>21</sup> Lihat William G. Zikmund (1997), **Business Research Methods** (edisi kelima), The Dryden Press and Harcourt Brace College Publisher : Fort Worth, m.s 530 – 542; Donald R. Cooper and Pamela S. Schindler (1998), **op.cit.** m.s 426 – 430 dan 441 - 446; Mark N K Saunders, Philip Lewis and Adrian Thornhill (2000), **op.cit.** m.s 337 – 369; Sulaiman Ngah Razali (1996), **op.cit.** m.s 87 – 116.
- <sup>22</sup> Lihat William G. Zikmund (1997), **op.cit.** m.s 543 – 550 dan m.s 695 - 705; Donald R. Cooper and Pamela S. Schindler (1998), **op.cit.** m.s 430 – 441; Sulaiman Ngah Razali (1996), **op.cit.** m.s 83 – 86.
- <sup>23</sup> Mark N K Saunders, Philip Lewis and Adrian Thornhill (2000), **op.cit.** m.s 151.